

ANTARA DUA DUNIA: MEMAHAMI PENGALAMAN HIDUP TRANSEKSUAL

SALMI JALINA JALIL

**PEGAWAI PSIKOLOGI (KAUNSELOR BERDAFTAR (00359))
LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA**

**FORUM PENYEBARAN DATA HASIL PENYELIDIKAN LPPKN SIRI 2
8 MEI 2014
HOTEL CRYSTAL CROWN, PETALING JAYA**

ABSTRAK

- **Kajian ini adalah bertujuan untuk memahami pengalaman subjektif golongan transeksual.**
- **Penyelidik menggunakan kaedah temubual separa struktur bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan.**
- **Seramai tiga (3) orang responden transeksual lelaki kepada wanita yang berusia 30-an, 40-an dan 50-an terlibat dalam kajian ini.**
- **4 aspek diambilkira dalam kajian ini:**
 - ✓ **pengalaman zaman kanak-kanak dan remaja**
 - ✓ **hubungan dengan keluarga**
 - ✓ **pekerjaan**
 - ✓ **kehidupan sosial**


LATAR BELAKANG KAJIAN

- Transgender boleh diaplikasikan pelbagai tingkah laku dan pemikiran yang melibatkan silang jantina seperti biseksual, transvestisme, homoseksual, lesbian dan juga transeksual *(Burgess, 1999; Hunter & Hickerson, 2003; Mallon, 1999)*
- Transeksualism
 - Kecelaruhan identiti
 - Menerima, mempamer, hidup dan diterima sebagai jantina sebaliknya *(Noraini Mohd Noor, Jamil Farooqui, Ahmad Abd. Al-Rahim Nasr, Hazizan Md. Noon, Shukran Abdul Rahman m.s. 4, 2005).*
 - Gender dysphoria merupakan kesedihan dan kedukaan yang keterlaluan kerana ketidakesuaian jantina biologi dengan peranan jantina yang dimainkan.
 - Istilah lain “mak nyah, bapok, darai, pondan, bantut”

LATAR BELAKANG KAJIAN

- Harry Benjamin (1966)
 - Transeksual tidak gembira dengan jantina asal
 - Transvitism memberi kepuasan sementara
 - Ingin berfungsi seperti jantina sebaliknya
 - 3 tahap pergerakan ke arah transeksual sepenuhnya:
 - a. rendah-tranvetism
 - b. Sederhana – perubahan fizikal
 - c. Tinggi – transeksual sebenar
- 2 kategori (Psychological Perspectives On Human Sexuality (m.s.149, 2000))
 - a. Primer – merasakan semulajadi wanita
 - b. Sekunder- beransur-ansur

Rajah 1
Kerangka teoritikal



METODOLOGI

- REKABENTUK
 - Kaedah kualitatif iaitu teknik temubual separa struktur
- SAMPEL
 - Persampelan bertujuan : transeksual lelaki kepada wanita, berada di mana-mana tahap .
 - Pemilihan responden secara Snow Ball dan disekitar Lembah Klang

Rajah 2
Kerangka Kajian

**PENGALAMAN SUBJEKTIF
TRANSEKSUAL**

- Latar belakang**
- Umur
 - Bangsa
 - Agama
 - Tempat kelahiran
 - Tahap pendidikan
 - Pekerjaan
 - Pendapatan
 - Kedudukan dalam adik-beradik
 - Siapa yang membesarkan
 - Nama perempuan

- Zaman kanak-kanak dan remaja**
- hubungan dan layanan dalam keluarga
 - Sekolah/ rakan-rakan

- Kehidupan selepas persekolahan**
- pekerjaan sekarang
 - tempoh menetap di Kuala Lumpur
 - hubungan dengan keluarga
 - rakan-rakan
 - Aktiviti masa terluang

- Diri sendiri**
- Kefahaman tentang diri sendiri
 - Faktor perkembangan identiti
 - Layanan masyarakat
 - Imej
 - Tingkah laku sosial
 - Amalan agama
 - Lain-lain

LATAR BELAKANG

PENGALAMAN

KONSEP DIRI

DAPATAN
Pengalaman subjektif transeksual

DAPATAN

1. ZAMAN KANAK-KANAK & REMAJA

- Penuh kekeliruan dan konflik identiti
- Sering diejek sebagai pondan
- Tidak berminat dengan permainan dan aktiviti berkaitan peranan lelaki
- Ada responden mendapat galakan dan sokongan rakan dan guru wanita
- Mula membentuk “klik” yang sama
- Ada juga terdapat masalah pembelajaran, sering ponteng, hidup miskin, pernah berhenti sekolah dan terus bekerja
- Lebih suka berkawan dengan rakan perempuan

DAPATAN

samb...ZAMAN KANAK-KANAK & REMAJA

- Akui sifat lembut wujud sejak kanak-kanak
- Ada responden yang keliru identiti seksual tetapi memilih menjadi transeksual bila diteguhkan oleh rakan lain dan “trigger” tertentu
- Secara keseluruhan dapatan dalam aspek ini menggambarkan:
 - menepati ciri-ciri individu yang mengalami keclaruan identiti gender seperti yang dinyatakan dalam DSM IV.
 - Faktor peniruan dan pembelajaran kurang tepat

“... Diorang suka main yang lasak-lasak, saya tak berminat. Saya minat apa yang pompuan buat, macam ada cookery, kelas memasak saya suka pulak, tapi saya tak boleh pergi sebab berpandu kepada jantina...” - (#1)

“...Masa saya kanak-kanak tu, darjah satu sampai darjah lima tu, saya memang tak tahu saya ni seorang Nyah ke tidak.....masuk tingkatan dua tu saya dah jumpa..aaa...saya dah jumpa saya punya team-team yang..aaa...masa kat sekolah tu kan. Bila team-team tu..baru saya tahu saya ni Mak Nyah”- (#2)

“...Zaman sekolah, kanak-kanak saya, saya memang seorang yang lembut..... Sometimes, pernah cikgu bercakap dekat saya, ...saya kesian dekat awak nanti esok awak tak kawin. Macam mana lah dengan awak?”- (#3)

“...Zaman sekolah saya memang dah lembut, budak-budak...memang dah darjah 4, darjah 5 tu (ketawa)...memang budak-budak cakap pondan..pondan” - (#3)

DAPATAN

2. KELUARGA

- Lebih rapat dengan ahli keluarga perempuan
- Kurang selesa bergaul dengan ahli keluarga lelaki apabila semakin membesar
- Peringkat awal, ahli keluarga berasa malu dan marah namun semakin diterima walaupun tingkahlaku tidak disukai
- Cuba-jaya mengembangkan identiti transeksual dan melihat respon keluarga dan putuskan untuk meneruskan bila semakin diterima

“...Tak...dia biarkan aje. Mak...mak tak pernah marah..”- (#1)

“...Pakaian perempuan tu masa tingkatan..masa tingkatan empat, masa tingkatan tiga tu...masa tingkatan tiga tu, saya mula..aaa..lukis bulu kening, tak pakai pakaian perempuan lagi, lukis bulu kening kan, pakai bedak sikit kan...aaa sikit-sikit dulu, pastu tengok la..dapat lesen tak kat rumah tu? Bila family, abang semua tak tegur, kira dapat lesen dah kan...lepas tu pakai pakaian perempuan pulak...”- (#2)

“...Mak saya...mak saya... “sampai bila awak nak jadi macam ni? Tak teringin ke awak berubah?”. Dia tak marah pun saya jadi macam ni. Cuma luahan hati dia, nasihat saya. Kakak saya, abang saya...dia tak pernah nak marah saya sebab dia faham, mungkin saya emosional...”- (#3)

DAPATAN

3. PEKERJAAN

- Pernah mempunyai pengalaman sebagai pekerja seks secara sambilan atau sepenuh masa
- Transeksual yang berkemahiran kurang terlibat sebagai pekerja seks
- Isu pendidikan menyebabkan sukar mendapat kerja
- Faktor datang ke Kuala Lumpur dikaitkan dengan enggan sambung belajar, ingin bekerja dan mengikut kekasih.
- Galakan oleh rakan dan kekasih

“...so pada mulanya bekerja sebagai sex worker...pun banyak dugaan lah yang kita harus tempuhi kan...”- (#1)

“...saya bekerja and then kalau ada masa lapang, untuk cari duit tambahan, duit untuk belanja sekali sekala, I turun kalau I senang buat sex worker kalau I rasa nak menambah sedikit pendapatan sebab duit gaji pun tak berapa cukup ...”- (#1)

“..Aaa...mula-mula kawan la yang menggalakkan kerja macam ni kan. Lama-kelamaan jadi suka, jadi seronok kan..”- (#2)

“...Masa lapang saya, saya lepak, kalau saya lepak pun, saya akan lepak daripada pukul 8 malam sampai pukul sepuluh malam. Kalau saya tak lepak, saya akan menjahit...”- (#3)

DAPATAN

4. KEHIDUPAN SOSIAL

- Digambarkan selesa bergaul dengan kedua-dua jantina
- Lebih selesa dengan rakan sehaluan
- Mempunyai teman istimewa lelaki
- Organ seks boleh berfungsi dengan baik namun dengan rangsangan lelaki
- Mempunyai kriteria tertentu memilih teman hidup dan berpendapat hubungan cinta bukan sekadar seksual tetapi turut melibatkan elemen kasih sayang, setia, tolak ansur, perkongsian emosi seperti pasangan suami isteri yang normal
- Akui masyarakat sekarang lebih terbuka

“...dengan sesiapa pun Kak xxxx boleh berkawan, I have no problem with that...”- (#1)

“...perempuan kita sembang macam ni kan, dengan lelaki, pun lebih kurang jugak... Kalau lelaki ni, bila kita sembang dengan lelaki ni, dia banyak cerita pasal isteri dia, girlfriend dia kan supaya kita ambil perhatian pada dia kan...” - (#2)

“...kalau dengan perempuan, saya tak berapa nak rapat, mungkin saya rasa ada gap...gap...dengan perempuan saya ada gap. Kalau dengan transeksual saya o.k, dengan lelaki, saya o.k. Saya lebih selesa berkawan dengan lelaki...aaa... dan transeksual masa sekarang ni... - (#3)

“...Dengan perempuan, macam saya, saya menghormati perempuan, diorang...diorang ada aurat tersendiri. Saya menghormati, walaupun dengan kanak-kanak...saya...walaupun diorang perempuan, diorang ada privacy dari segi aurat. Kita tak boleh tengok diorang berpakaian. Macam mana pergaulan, dengan perempuan saya tak sentuh macam ni...macam ni (sambil menggerak-gerakkan tangan) sebab saya menghormati. Dalam versi saya, kelahiran saya adalah male dan dia adalah female...”- (#3)

DAPATAN

samb...KEHIDUPAN SOSIAL

- Bersetuju bahawa sikap dan cara bergaul sangat penting untuk diterima oleh masyarakat
- Akui pernah dilayan dengan buruk sewaktu kanak-kanak dan remaja dan beransur diterima bila dewasa
- Pengisian masa lapang lebih kepada berada di rumah
- Mengakui bahawa telah mempunyai kehidupan yang stabil (ada yang telah “berkahwin” selama 20 tahun, mempunyai teman istimewa dan diterima oleh isteri teman tersebut dan masih mencari teman istimewa)

“..I bertemu jodoh...I bertemu jodoh seorang lelaki yang I kenal...aaa..sangat baik pun. Dia menyokong saya, dia pun bagi support, bagi duit untuk semua kan, so, Alhamdulillah...” - (#1)

“...Tapi tak tahulah sampai bila nak berkawan kan. Saya pun pernah bercakap dengan dia kan...aaa...dia pun macam ada isteri jugak kan. Kalau abang rasa abang nak tinggalkan xxx, abang pergi je lah, xxx pun tak ada hak nak menghalang abang kan...” - (#2)

“...saya berkawan dengan budak lelaki semua sampai 8 tahun. Kalau tak kerana halangan orang tua, saya still lagi berkawan...” - (#3)

IMPLIKASI

- Antara dapatan yang menarik adalah unsur peneguhan dalam pembentukan dan peneguhan ciri-ciri keperempuanan melalui sokongan kumpulan dan juga kecenderungan responden mencari kumpulan yang mempunyai ciri-ciri yang sama.
- kemungkinan terjadi peniruan dan pembelajaran yang kurang tepat, seterusnya memberi kesan terhadap konsep diri dan pembentukan identiti seseorang.
- peranan keluarga, sekolah dan orang-orang yang signifikan adalah penting agar mereka yang memaparkan tingkah laku di luar kebiasaan dapat dibantu lebih awal.

- kepentingan peranan dan fungsi keluarga dilaksanakan dengan berkesan.
- penerimaan maklumat yang salah dan kekeliruan yang tidak diselesaikan bermungkinan mempengaruhi perkembangan peranan jantina kanak-kanak dan seterusnya mereka mempunyai skema peranan jantina yang tidak menurut norma masyarakat.
- Menggambarkan transeksual yang mempunyai kemahiran tertentu kurang terlibat dalam aktiviti tersebut kerana mereka mempunyai sumber pendapatan yang berupaya menampung kehidupan mereka.
- latihan dan kemahiran insaniah (*soft skills*) terhadap golongan transeksual dilihat dapat membantu golongan ini bekerja dalam bidang kemahiran sebagai sumber pendapatan.

TERIMA KASIH

salmi@lppkn.gov.my

LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA
(*National Population and Family Development Board*)



www.lppkn.gov.my